

# Pelan strategik berbeza di tiga wilayah

## Kementerian sasar Kuala Lumpur bandar raya maju bertaraf dunia menjelang 2020

**WILAYAH** Persekutuan menyambut ulang tahun ke-34, hari ini (1 Februari) dengan tema 'Wilayah Persekutuanku Gemilang'. Misi utama kerajaan ialah untuk memastikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan terus maju dan memberi keselesaan kepada penduduknya. Ikuti temu bual wartawan *Berita Harian*, Jami'ah Shukri dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique. *BH 1/2/08 M/S 13*

**HARI** Wilayah disambut setiap 1 Februari. Sepanjang tempoh itu bagaimana Datuk Seri melihat kematangan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

**W**ilayah Persekutuan meliputi tiga wilayah mempunyai keistimewaan dan tumpuan pembangunan tersendiri dan masing-masing menunjukkan pencapaian yang baik dan usaha ke arah memantapkannya sebagai sebuah negara maju menjelang 2020 dilaksanakan mengikut perancangan.

Kuala Lumpur berkembang pesat sebagai sebuah pusat komersial dan antarabangsa, ekonomi dan sosial. Menjadi tumpuan penduduk dari pelbagai...

biran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menentukan sebagai ibu kota Persekutuan bagi pusat ekonomi, sosial, pendidikan dan pelancongan. Fokus dan sasaran utama kementerian ialah menjadikan Kuala Lumpur bandar raya maju bertaraf dunia menjelang 2020.

Bagi Kuala Lumpur mulakan sistem penyampaian kerajaan dan isu perlu tambah baik supaya dapat mencapai bandar maju pada 2020.

Kita mengenal pasti hala tuju yang baru dan berlainan berbanding 15 tahun lalu. Kuala Lumpur sudah maju dengan adanya pelan struktur pada 2004.

Seperti Putrajaya diwujudkan sebagai pusat pentadbiran untuk ke-



bagi pelok negeri dan luar negara untuk menjalankan aktiviti ekonomi mereka, pelancongan dan sebagainya.

Bagi Putrajaya yang dibangunkan sebagai pusat pentadbiran dan pengurusan negara kini sudah sampai pada akhir matlamat penubuhannya. Ada beberapa kementerian belum berpindah ke Putrajaya.

Kita juga melihat arah tuju sedia ada dan akan menambahkan lagi untuk menentukan Putrajaya dengan aktiviti lain seperti menumpukan kepada kegiatan sukan air kerana ada tasik dan kompleks sukan yang canggih. Kita juga mahu ia diwujudkan sebagai bandar bunga. Untuk itu satu kawasan sudah diwartakan sebagai pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dari segi bunga-bunga di kawasan tropik dan sedang dirancangan oleh Perbadanan Putrajaya.

Bagi Labuan, kerajaan sudah menggariskan hala tuju termasuk sebagai pusat kewangan pesisir luar antarabangsa, pulau pelancongan bebas cukai dan pusat pendidikan.

Kita tambahkan lagi hala tuju termasuk pusat gas dan minyak serta menentukan sebagai pusat perkapalan. Kerajaan juga memberi peruntukan untuk mengkaji kesesuaian membina jambatan untuk menghubungkan Sabah dan Labuan.

**?** **Bagaimana Kementerian Wilayah Persekutuan dapat memastikan setiap pembangunannya dilaksanakan seimbang untuk ketiga-tiga wilayah.**

**S**atu penambahbaikan kepada isu yang selalu dibangkitkan rakyat perlu bagi menentukan keperluan dan perancangan pembangunan di kawasan terbabit. Kita sentiasa mendapat maklum balas daripada rakyat dan memberi peluang kita mengeluarkan dasar tertentu. Itu yang kita lakukan sejak 2004.

Kuala Lumpur di bawah pentad-

bagi pembangunan bandar raya. Dalam masa setahun ini dibangunkan pusat komersial dan pada masa sama kita mahu tentukan hala tuju Putrajaya berlainan dengan Kuala Lumpur.

Bagi Labuan pula sudah mengeluarkan Pelan Strategik Labuan 2020. Sebelum tarikh itu kita mahu Labuan menjadi sebagai sebuah bandar maju. Labuan dibangunkan dengan



**“ Kita mengenal pasti hala tuju yang baru dan berlainan berbanding 15 tahun lalu. Kuala Lumpur sudah maju dengan adanya pelan struktur pada 2004 ”**

peruntukan lebih RM2 bilion. Ada permohonan untuk membangunkan industri di Labuan.

**?** **Perancangan Kementerian Wilayah untuk menangani masalah perumahan khususnya di Kuala Lumpur.**

**P**erumahan juga menjadi isu utama. Ia membabitkan isu rumah kos rendah dan sederhana. Dengan itu kerajaan menyediakan 35,000 perumahan kos rendah iaitu M-Ten, iaitu perumahan tiga bilik dan dua bilik mandi. Jun lalu, pengumuman sudah dibuat 15,000 unit rumah itu akan dijual dan mekanisme untuk dijual itu sudah siap dan akan dikemukakan kepada Kabinet, minggu depan, sebelum dimaklumkan kepada rakyat penjualan berkenaan termasuk bagaimana ingin mendaftar, kriteria dan untuk calon memiliki rumah itu.

Pada masa sama, kita akan membuat pengumuman mengenai Program Perumahan Rakyat (PPR) DBKL (satu bilik, dua bilik dan bilik studio) dan sudah bincang untuk berapa peratusan rumah yang sudah lama dan dirobohkan dan diadakan Skim Pembangunan Bandar. Peratusan rumah dan sedia ada yang ada satu atau dua bilik di tambah bilik supaya lebih selesa.

Bagi kawasan seperti Seputih dan Segambut yang tidak mempunyai PPR, kita juga akan bangunkan untuk kemudahan penduduk setempat. Kita kenal pasti kawasan untuk dibangunkan dengan PPR itu.

**?** **Banjir di ibu kota menjadi isu yang tidak berkesudahan. Apakah perancangan yang dilakukan menangani masalah itu.**

**B**anjir adalah isu kritikal yang kerap diperkatakan kerana Kuala Lumpur terletak di lembah dan bersambung dengan sungai. Jika hujan, air dari atas akan mengalir dan bertemu di Kuala Lumpur terutama

di kawasan Masjid Jamek hingga menyebabkan banjir kilat.

Justeru, kerajaan memperuntukkan RM160 juta untuk membangunkan 14 kolam takungan banjir dan Sistem Pengurusan Banjir yang baru. Saya bina tujuh daripada kawasan berisiko serentak dan akan memberi taklimat ketika lawatan saya tidak lama lagi. Kolam Takungan banjir Kampung Boyan, Air Leleh, Sri Tioman dan Setapak Jaya.

Tahun ini, kita akan bina tujuh lagi kolam takungan banjir untuk mengelak kejadian banjir, antaranya kolam di Ampang Hilir, Universiti Malaya dan Bandar Sri Permaisuri.

Kita percaya dengan pelbagai projek seperti pembinaan terusan, pemulihan sungai dan tebatan banjir sedia ada dan kita berharap isu berkaitan banjir tidak wujud lagi. Projek Terowong Smart memainkan peranan yang amat baik membantu mengurangkan banjir kilat di kawasan berhampiran selain mengurangkan kesesakan lalu lintas.

**?** **Bagaimana kementerian mengatasi isu jenayah dan masalah sosial lain berikutan kespesatan pembangunan dan penghijrahan masyarakat ke ibu kota.**

**K**ita sedang menentukan kriteria dan garis panduan untuk menyediakan sebuah bandar selamat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengeluarkan garis panduan itu. Kuala Lumpur sebagai ibu negara perlu menjadi sebuah bandar raya selamat dan ini akan dilakukan secara berterusan.

Bagi kawasan indeks jenayah tinggi kita akan menempatkan CCTV dan mungkin membina penghadang supaya orang yang menaiki motosikal melakukan kegiatan ragut.

Polis dan DBKL sudah berbincang mengenai kes itu. Kita juga melantik juruperunding untuk mengeluarkan

**“ Wilayah Persekutuan meliputi tiga wilayah mempunyai keistimewaan dan tumpuan pembangunan tersendiri dan masing-masing menunjukkan pencapaian yang baik ”**

spesifikasi bagi mengintegrasikan kemudahan kamera tertutup (CCTV) di antara DBKL, polis, Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (Itis) dan Putrajaya.

Kita akan tambahkan CCTV selepas mendapat laporan polis di kawasan yang kadar jenayah tinggi. Setakat ini, 57 CCTV disediakan polis dan akan ditambah 56 lagi pada tahun ini dan ia sekali gus menjadikan jumlah CCTV di Kuala Lumpur di bawah kawalan PDRM sebanyak 113. CCTV untuk kawalan trafik DBKL ialah sebanyak 52 dan 220 di bawah kemudahan ITIS.

Di samping itu, kita menubuhkan komuniti bestari di Wilayah Persekutuan. Setakat ini 44 Komuniti Bestari ditubuhkan di mana rakyat yang tidak terbabit dengan persatuan penduduk boleh berkhidmat di kawasanya mereka tinggal.

Kita juga menyediakan bajet untuk kegiatan penduduk. Kawasan dikenal pasti sebagai kadar jenayah dan sosial tinggi diadakan Program Gerak Tumpuan.